

BN berjaya bawa pembangunan

OLEH MOHD. ZAFRIN NORDIN

TAWAU: Kerajaan Barisan Nasional (BN) telah berjaya membawa pembangunan ke negeri ini dan rakyat harus terus menyokong dan menolak kehadiran parti pembangkang.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Sabah Tawfiq Datuk Abu Bakar Titingan berkata, pemerintahan pembangkang di negeri ini suatu ketika dahulu telah menyebabkan pelbagai pembangunan tidak dapat dibawa ke Sabah dan kejayaan BN menjadi pemerintah telah mengubah situasi tersebut.

Antara bukti katanya ialah pembinaan Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang kini menjadi salah satu gedung ilmu utama di Malaysia dan di Sabah.

"Dengan adanya UMS, ramai di antara kita yang sebelum ini tidak berkemampuan untuk menghantar anak-anak melanjutkan pelajaran, kini telah boleh berbuat demikian. Ini juga adalah salah satu sumbangan dari Kerajaan Barisan Nasional," katanya.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan Pertandingan Karaoke Bintang Merdeka 2003, di Taman Usbah Kg. Batu Payung di sini, baru-baru ini.

Dalam ucapannya, Tawfiq turut menyeru kepada masyarakat agar menghargai kemerdekaan yang dikecapi dan memeliharanya agar segala nikmat yang dirasakan ketika ini dapat berterusan selamanya.